KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	15/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	PERHILITAN			

100,000 PEMBELI HARAM DIKESAN AKTIF

MERGASTUA ONLINE

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai lebih 100,000 pembeli haiwan liar dilindungi dikenal pasti aktif berurus niaga di dalam media sosial membabitkan jual beli 100 spesies haiwan melalui pasaran gelap.

Perkara itu didedahkan Ketua Pengarah Jabatan Taman Negara dan Hidupan Liar Semenanjung Malaysia (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim susulan risikan dilakukan pihaknya.

Beliau berkata, pasar haram hidupan liar di dalam laman sosial sudah mula dikesan seawal 2013 dan kian aktif sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini membabitkan kewujudan 50 akuan sesawang sosial.

"Media sosial menjadi medium pasar haram haiwan dilindungi berikutan kurang berisiko, modal kewangan rendah dan keuntungan tinggi. Ia bukan hanya tertumpu di laman sosial Facebook malah melangkaui semua media sosial dan laman e-dagang.

"Berdasarkan siasatan, daripada 100 spesies hidupan liar diperdagangkan, 70 peratus daripadanya dikenal pasti haiwan yang haram diperdagangkan," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 50 peratus daripada haiwan itu ditangkap dari habitat asal antaranya Orang Utan, burung kakak tua, kucing hutan, musang pandan, burung belang, burung punggok, ungka, beruang, kura-kura dan monyet.

"Dalam sehari, sekurang-kurangnya ada 30 iklan penjualan hidupan liar dikesan berlegar di media sosial dan didalangi lebih 100 individu.


"Saya percaya kumpulan penjual hidupan liar dilindungi ini ada rangkaian kerjasama membabitkan pembabitan pemburu haram, orang tengah, penjual dan juga penyelindup," katanya.

Kadir berkata, saluran media sosial menjadi pilihan aktiviti jual beli haiwan liar kerana ia membolehkan suspek menyembunyikan maklumat peribadi seperti.

"Kebanyakan penjua menggunakan akaun palsu (*fake account*). Selepas mendapat pembeli berpotensi, penjual menghantar hidupan liar menggunakan kaedah seperti bayaran tunai semasa penghantaran (COD), kurier seperti pos ataupun menggunakan perkhidmatan awam seperti bas ekspres.

"Ada kaedah lain digunakan penjual haram ini sehingga sukar dikesan dan bertujuan mengelirukan pihak berkuasa. Penjualan menggunakan kaedah *dropshipping* dilihat semakin popular kerana, penjual tidak perlu modal permulaan dan tidak perlu untuk menyimpan stok," katanya.

Beliau berkata, mengikut rekod, peningkatan jumlah aktiviti ini dilihat meningkat saban tahun dengan penggunaan telefon pintar dan pakej langganan internet pakai buang memudahkan lagi penjenayah hidupan liar ini melakukan aktiviti haram.



PENJUALAN haiwan liar di platform media sosial dikesan seawal 2013.





"Kumpulan penjual hidupan liar dilindungi ini ada rangkaian kerjasama membabitkan" — Abdul Kadir



PELBAGAI jenis haiwan liar dilindungi didapati dijual melalui media sosial dan laman e-dagang.

Kuala Lumpur: Haiwan membabitkan kera, lotong, kura- kura, burung dan musang antara haiwan liar paling popular dijual dalam talian sepanjang tahun lalu.

Malah, risikan mendapati tidak hanya haiwan liar tempatan dijual di pasar gelap dalam talian, malah spesies kura-kura buaya (*alligator snapping turtle*) berasal dari Amerika Syarikat turut ditawarkan di negara ini.

Ia terbukti susulan serbuan dan rampasan 15 reptilia itu oleh sepasukan pegawai Jabatan Taman Negara dan Hidupan Liar Semenanjung Malaysia (Perhilitan) di sebuah rumah di Cheras di sini.

Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, sepasukan tujuh pegawainya melakukan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) memeriksa kediaman teres pada jam 12 tengah hari kelmarin.

Menurutnya, operasi membabitkan Perhilitan Wilayah Persekutuan dan Perhilitan Selangor dilakukan susulan maklumat risikan diperoleh membabitkan kegiatan seorang lelaki tempatan berusia 50-an.

"Hasil pemeriksaan dilakukan di kediaman suspek, pihak kami menemui dua kotak berisi 15 haiwan disyaki kura-kura *alligator snapping turtle* yang masih hidup selain seekor burung *rose-ringed parakeet*.

"Kami turut merampas seekor iguana selain 14 kura-kura *red footed tortoise*, *leopard tortoise*, *sulcata tortoise* dan *yellow pond turtle*.

"Pemeriksaan lanjut kemudian menemui kulit dan tengkorak babi hutan selain daging babi hutan disembunyi dalam peti sejuk," katanya.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati lelaki itu tidak memiliki permit sah untuk menyimpan semua haiwan liar berkenaan.

"Ada kemungkinan semua haiwan liar dilindungi itu dibeli suspek melalui dalam talian. Harga seekor kura-kura buaya ini boleh mencecah puluhan ribu ringgit," katanya.

Dalam satu lagi serbuan berasingan, Perhilitan merampas 63 burung dilindungi di sebuah premis di Muar, Johor Khamis lalu.

Serbuan membabitkan tujuh anggota perhilitan, Jabatan Perhutanan, penguatkuasa Perbadanan Taman Negara Negeri Johor serta anggota Pasukan Gerakan Am (PGA).

Kadir berkata, 57 burung bayan serindit dan enam burung bayan puling dirampas.

"Seorang lelaki tempatan berusia 30-an ditahan kerana memiliki hidupan liar itu secara salah," katanya.



ANTARA burung bayan serindit dan bayan puling yang dirampas susulan serbuan di Muar, Johor.



KURA-KURA buaya yang dirampas hasil serbuan Perhilitan di sebuah kediaman di Cheras.

Kura-kura buaya cecah nilai puluhan ribu